

**1 SANTAN, 100 RASA
MASAK & MENANG**

TERMA DAN SYARAT

1. PENGANJUR	1.1 Peraduan “1 Santan, 100 Rasa Masak & Menang” (“Peraduan”) ini adalah dianjurkan oleh JASMINE FOOD CORPORATION SDN BHD (No. Syarikat 198701003685 (162356-H) (“Penganjur”). 1.2 Dengan menyertai Peraduan ini, setiap peserta Peraduan dianggap telah membaca dan memahami Terma dan Syarat Peraduan seperti tertera di sini dan bersetuju mematuhi setiap Terma dan Syarat Peraduan tanpa sebarang keraguan.
2. KELAYAKAN	2.1 Peraduan ini terbuka kepada: i. Semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap di Malaysia dengan identiti pengenalan sah (MyKad atau MyPR). Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti pengesahan identiti Peserta; dan ii. Hanya penyertaan dari peserta yang berusia lapan belas (18) tahun dan ke atas akan diambil kira sebagai layak dari permulaan Tempoh Peraduan. 2.2 Berikut adalah golongan yang tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: i) Pekerja-pekerja Penganjur dan syarikat-syarikat sekutunya berkaitan termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat, ibu syarikat dan lain -lain seperti yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat 2016; dan ii) Ahli keluarga terdekat pekerja-pekerja Penganjur (dan syarikat-syarikat berkaitan termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat, ibu syarikat dan lain -lain seperti yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat 2016) mereka, iaitu termasuk tetapi tidak terhad kepada (pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik, dan pasangan mereka);dan iii) Pekerja-pekerja bagi agen-agen (termasuk agensi promosi/pengiklanan/perhubungan awam) atau kontraktor-kontraktor Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan (termasuk Rakan niaga, pembekal/pengedar Penganjur) dan keluarga terdekat mereka

3. TEMPOH PERADUAN	i. Peraduan ini bermula pada jam pada jam 00:00:00 1 haribulan Disember 2025 dan berakhir pada jam 23:59:59, 28 haribulan Februari 2026 (“Tempoh Peraduan”). Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik. ii. Penganjur berhak untuk mengubah Tempoh Peraduan (“Tempoh yang Dipinda”) pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada mana-mana pihak. Sebarang Penyertaan Peraduan yang diterima di luar Tempoh Peraduan atau Tempoh Pindaan (jika ada) akan ditolak.
4. KRITERIA DAN CARA PENYERTAAN	4.1 Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta perlu mematuhi dua (2) langkah berikut: a) Langkah 1: Rakam video masakan dengan menggunakan Santan Kelapa Jasmine di platform social media Facebook / Instagram / TikTok. b) Langkah 2: Post dan Tag @jasminefoodmy, @hawkshotelsmalaysia dan menggunakan hashtag #1Santan100Rasa Pada sepanjang masa peraduan, anda hendaklah memastikan (i) Sentiasa “Follow” dan “Like” platform laman sosial FB/IG/TikTok @jasminefoodmy dan @hawkshotelsmalaysia (ii) Status akaun media sosial yang digunakan untuk penyertaan hendaklah berstatus umum/ “public” sepanjang tempoh peraduan. 4.2 Syarat-Syarat Khusus a) Untuk menyertai Peraduan ini, peserta perlu memuat naik video asli sajian. Peserta perlu memastikan setiap video disertakan bersama-sama produk Penganjur. b) Sebarang video yang dikenalpasti telah diubahsuai di dalam perisian komputer dalam apa-apa format yang ditentukan Penganjur tidak akan diterima. c) Peserta boleh menyertai penyertaan lebih daripada satu penyertaan. d) Penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan Peraduan atas apa-apa sebab yang dianggap munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada sebab-sebab berikut :- i) tidak lengkap, tidak boleh dibaca, dan / atau butiran tidak tepat, salinan; dan /atau ii) menghantar video yang kabur; dan / atau iii) mengandungi sesuatu haram, lucah, memalukan, fitnah atau kesat kepada mana-mana orang / organisasi.

5. KRITERIA DAN PERINCIAN PENGADILAN UNTUK PEMILIHAN PEMENANG	5.1 Syarat-Syarat Penyertaan: i. Peserta mestilah menggunakan produk Santan Kelapa Jasmine 200ml. ii. KUALITI VIDEO – Kejelasan, Ekspresi dan Kreativiti Untuk mengelakan sebarang keraguan, konteks 'Kejelasan' video bermakna resolusi tahap tinggi dan ketajaman elemen penting dalam video. Tempoh video haruslah tidak melebihi 2 minit dan resolusi video hendaklah sekurang-kurang berformat definisi tinggi (720p). iii. KREATIVITI – Keunikan individu Tahap kreativiti setiap individu akan ditentukan melalui penciptaan baru resipi sajian hidangan. iv. Setiap peserta hanya layak memenangi hadiah sekali sahaja Sepanjang tempoh peraduan, walaupun menghantar lebih daripada satu penyertaan atau melalui pelbagai platform media sosial. v. Pihak Penganjur berhak menggunakan semula video peserta untuk tujuan promosi, pemasaran atau publisiti tanpa sebarang bayaran tambahan kepada peserta. vi. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan. 5.2 Semua penyertaan dari peserta mestilah lengkap dan memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan pada bahagian Syarat-Syarat Penyertaan di atas. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap akan terbatal secara automatik. 5.3 Pengumuman Pemenang akan dibuat dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh akhir setiap bulan bermula Disember hingga Februari 2026. Tarikh tersebut boleh diubah oleh Penganjur mengikut budi bicara mutlakanya dan tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada mana-mana pihak. 5.4 Keputusan Penganjur dalam memilih Pemenang Peraduan adalah muktamad dan sebarang bentuk komunikasi untuk meminta penjelasan, klarifikasi dan tunjuk sebab sama ada secara surat-menyurat, Whats App, SMS dan lain-lain, tidak akan dibalas dan dilayan oleh Penganjur. 5.5 Sebarang perubahan tertakluk kepada hak mutlak pihak penganjur, tanpa perlu apa-apa penjelasan kepada semua peserta yang berkecualan.
---	--

	Bagi proses pemilihan peserta untuk Hadiah adalah seperti berikut: <u>KAEDAH PEMILIHAN HADIAH PESERTA:</u> <u>Syarat-syarat Pemilihan Hadiah Peserta</u> - Peserta yang memenuhi semua kriteria peraduan layak dipilih sebagai pemenang Hadiah Utama berupa Pakej Percutian 4 Hari 3 Malam di Hawks Hotel Malaysia bernilai RM6,000*. - Sebanyak 100 pemenang saguhati akan dipilih sepanjang tempoh peraduan dan setiap pemenang akan menerima 6 kotak Santan Kelapa Jasmine 200ml. - Pengagihan hadiah akan dilakukan secara berperingkat setiap bulan sepanjang tempoh peraduan. - Jika pemenang terpilih gagal dihubungi, pihak penganjur berhak memilih pemenang gantian mengikut budi bicara. <u>Pemakluman Rasmi Kepada Peserta</u> - Peserta terpilih akan dimaklumkan melalui pengumuman di platform media social rasmi Jasmine (@jasminefoodmy) - Peserta terpilih akan dimaklumkan melalui mesej langsung (DM). - Peserta terpilih perlu memberikan butiran lengkap (nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat dan e-mel) untuk tujuan penghantaran hadiah. - Jika peserta terpilih tidak memberi maklum balas dalam tempoh 14 hari selepas dihubungi, hadiah akan dibatalkan dan digantikan dengan peserta lain yang layak.
6. HADIAH PERADUAN	Peraduan ini menawarkan: Hadiah Utama: Pakej Percutian 4 Hari 3 Malam (2 pax) di Hawks Hotel Malaysia bernilai RM6,000 setiap satu x 3 pemenang (Nota penting: Hadiah tidak termasuk tiket penerbangan, tidak boleh dipindah milik, dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai. Sila refer APPENDIX untuk terma dan syarat. Pemenang Saguhati: 6 x kotak Santan Kelapa Jasmine 200ml x 100 pemenang
7. TARIKH TUNTUTAN/SERAHAN HADIAH	- Penganugerahan Semua Hadiah Peraduan adalah muktamad, tidak boleh dipindah milik, tidak dapat dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. - Setiap peserta yang disenarai pendek sebagai pemenang, hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.

	7.3 Sekiranya pemenang tersebut gagal memberikan maklum balas setelah dimaklumkan oleh pihak Penganjur dalam masa dua puluh satu (14) hari dari tarikh pengumuman pemenang, maka hadiah akan dilucutkan. Semua hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan, akan ditarik balik atau dibatalkan. 7.4 Semua hadiah akan diproses untuk penghantaran dua (2) sehingga tiga (3) minggu selepas pengumuman pada setiap bulan dan dalam Tempoh Peraduan. 7.5 Sekiranya mana-mana peserta yang terpilih tidak menerima penghantaran hadiah atas apa-apa sebab sekalipun dalam tempoh yang munasabah dari tarikh Pemberitahuan atau Pengumuman, hadiah tersebut mestilah dituntut oleh peserta tersebut dengan menghantar tuntutan bertulis kepada Penganjur dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Pengumuman atau Pemberitahuan, tertakluk kepada mana tarikh yang lebih awal. 7.6 Sekiranya peserta terpilih gagal membuat tuntutan mengikut ketetapan ini, Penganjur mempunyai hak dan pertimbangan yang muktamad dalam menentukan apa-apa tindakan dan keputusan ke atas hadiah tersebut yang difikirkan wajar oleh Penganjur.
8. SYARAT UMUM	8.1 Peraduan ini tidak boleh ditebus dengan mana-mana peraduan lain yang dianjurkan oleh Penganjur. 8.2 Dengan menyediakan maklumat yang diperlukan, Peserta Peraduan dengan ini bersetuju kepada Penganjur dalam memproses data peribadinya untuk Peraduan ini dan lain-lain Peraduan Penganjur selaras kepada AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA 2010"). 8.3 Maklumat peserta/ pelanggan boleh dikongsi antara syarikat Penganjur dan/ atau rakan kongsi perniagaan Penganjur, kakitangan, ejen atau berkaitan untuk tujuan ini. 8.4 Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan tidak terikat dengan sebarang liabiliti terhadap Peserta dalam penyertaannya dalam Peraduan, yang telah ditangguhkan atau tidak diserahkan atas apa-apa sebab semasa tempoh Peraduan. 8.5 Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan tidak terikat dengan sebarang liabiliti dalam apa-apa cara kepada mana-mana orang, termasuk Peserta, untuk sebarang kerugian dan/atau kerosakan yang terhasil daripada dan/ atau berkaitan dengan Peraduan ini. 8.6 Penganjur akan mempunyai hak dan budi bicara mutlak menentukan segala perkara berkaitan dengan Peraduan ini (termasuk tetapi tidak diperhadkan kepada kelayakan Peraduan ini) dan keputusan sedemikian akan menjadi muktamad dan terikat pada semua Peserta

	Peraduan/ Pelanggan. Tiada pertanyaan, pertikaian dan / atau rayuan terhadap keputusan Penganjur akan diterima sama ada secara bertulis atau tidak. 8.7 Penganjur boleh pada bila-bila masa menamatkan Peraduan ini dan/atau pihak Penganjur mempunyai hak dan pertimbangan yang muktamad untuk mengubah, meminda, memansuhkan atau menambahkan mana-mana TERMA dan SYARAT PERADUAN yang dinyatakan secara khususnya di dalam jadual/ dokumen ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa tanpa memberi Notis terdahulu dan memberikan apa-apa sebab. 8.8 Sekiranya berlaku sebarang ketidaksejajaran antara TERMA dan SYARAT PERADUAN ini dan mana-mana periklanan Peraduan, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan Peraduan ini harus diamalkan. 8.9 Jika satu atau lebih peruntukan dalam TERMA dan SYARAT PERADUAN ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah sebarang undang-undang atau keputusan yang diguna pakai, kesahihan, kesahan dan penguatkuasaan baki peruntukan tidak akan terjejas atau dimudaratkan dalam apa cara pun jua dan peruntukan yang tidak sah, haram atau yang tidak boleh dikuatkuasakan itu akan dianggap telah dipadamkan. 8.10 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, TERMA dan SYARAT PERADUAN ini akan ditadbirkan oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia. 8.11 Untuk maklumat lanjut, sila layari: Facebook, Instagram & Tiktok rasmi Jasmine Food Malaysia @jasminefoodMY
--	---

APPENDIX

Days 3 Nights Stay for 2 at HAWKS HOTELS, Kamadhoo Maldives – Your Private Island

Paradise Full Board Meals – dine in style with breathtaking ocean views

One-way Seaplane Transfer – arrive in ultimate luxury

One-way Speedboat Transfer – seamless journey to your private island retreat

Experience **complete privacy, turquoise waters, and unforgettable memories** on your very own island escape! Hawks Hotels, Luxury Made Affordable!

The prize **does not** include green tax, optional activities, flight tickets, travel insurance, or any personal expenses incurred during the trip.

Terms & Conditions Ground Package

- Valid for 1 year from the date of received Stay period is subject to room availability.
- Festive blackout dates: 24 December 2025 – 10 January 2026.
- Booking must be made at least 30 days prior to arrival.
- Offer is valid for 2 adults only.
- The prize is non-transferable and cannot be redeemed for cash
- Anything extra will be chargeable and can be paid at the property.
- Winners are responsible for **passport, visa (if applicable), and personal travel insurance**.
- Hawks Hotels Malaysia reserves the right to make minor amendments to the itinerary due to operational or weather reasons.